

BAB 1

PENGENALAN PENYELIDIKAN

1.1 LATAR BELAKANG PENERBITAN ILMIAH

Penerbitan ialah aliran dunia maklumat, idea-idea, pengetahuan, dan perniagaan. Dengan kata lain, penerbitan ialah suatu sumber idea dan rujukan yang menghasilkan buku-buku, majalah-majalah, jurnal-jurnal, monograf-monograf dan semua bentuk bahan bercetak. Justeru itu, kehadiran pelbagai jenis penerbitan dalam beberapa kategori ini menghasilkan bahan-bahan seperti buku kanak-kanak, fiksyen, akademik, profesional, dan kerja-kerja ilmiah. Kenyataannya, kita semua telah menggunakan pelbagai penerbitan dalam pembacaan, pembelajaran dan rujukan dalam kehidupan sehari-hari kita.

Dalam dunia penerbitan antarabangsa, penerbitan ilmiah lebih dikenali sebagai “*academic/scholarly publishing*” yang biasanya diusahakan oleh penerbit swasta yang mengkhusus. Di Amerika Syarikat, Kanada dan juga di Indonesia, penerbit universiti memainkan peranan penting dalam penerbitan ilmiah pengajian tinggi mereka.

Pada asasnya, penerbit universiti berfungsi untuk menerbitkan buku dengan tujuan memperoleh, memaju, memelihara dan menyebar ilmu pengetahuan dalam semua subjek dengan tujuan mengembangkan pendidikan, agama, pembelajaran dan penyelidikan yang selanjutnya akan meninggikan mutu penulisan dan bahan bacaan.

Penerbitan ilmiah pengajian tinggi yang diamalkan oleh penerbit universiti di Malaysia pada masa ini mempunyai sifat tersendiri yang mempunyai beberapa persamaan dengan ciri-ciri penerbit universiti di tempat lain. Sifatnya yang jelas ialah seperti berikut:

- a. Taraf penerbit universiti yang masih muda dan kecil.
- b. Purata jumlah cetak yang kecil.
- c. Bentuk terbitan yang mudah dan ekonomik.
- d. Kandungan bahan adalah untuk kegunaan para sarjana, mahasiswa dan penyelidik.
- e. Kerana kos unit pengeluaran yang tinggi, harga buku tinggi.
- f. Wujud masalah pengedaran/pemasaran yang ketara dan kronik.

- g. Penerbitan hanya boleh hidup dengan subsidi.
- h. Siri/bentuk penerbitan terbahagi kepada buku teks dan bahan rujukan. Biasanya teks (untuk pelajar) diterbitkan dalam bentuk buku, manakala bahan rujukan selain dalam bentuk buku juga terbit bentuk monograf, jurnal, kertas penyelidikan, kumpulan kertas kerja, prosiding, buku bentuk sementara, mimeografi, kertas tak berkala dan karya kreatif.
- i. Bahasa tulisan yang utama ialah bahasa Melayu, manakala penerbitan karya dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain juga diterbitkan mengikut keadaan dan keperluan.

(Dipetik dari Memorandum Penerbit Universiti Malaysia dikemukakan oleh Jawatankuasa Penerbitan Pengajian Tinggi Malaysia)

1.2 ULASAN PENGKAJIAN LALU

Berdasarkan kepada tajuk penyelidikan yang dikemukakan oleh penulis, ianya mempunyai kaitan dengan pengkajian yang telah dibuat oleh beberapa penulis-penulis artikel dan buku dari dalam dan luar negeri. Datuk Hassan Ahmad, bekas Ketua Pengarah DBP dalam kertas kerjanya

yang berjudul “Rancangan Terjemahan Buku untuk Pengajian Tinggi: Pengalaman Dewan Bahasa dan Pustaka” yang dibentangkan di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa di Kuala Lumpur, pada 13 hingga 15 Mac 1984 dalam bukunya *Bahasa, Sastera, Buku: Cetusan Fikiran Hassan Ahmad* (1988) menyatakan,

“Penerbitan buku pengajian tinggi dalam bahasa Malaysia di negara ini adalah lapangan yang baru. Kita masih berada di peringkat yang amat muda. Apabila saya menceritakan masalah yang kita hadapi dan hakikat bahawa Malaysia tidak berdaya menerbitkan lebih 80 buah buku pengajian tinggi setahun, dalam satu persidangan antarabangsa mengenai pembangunan buku, dua tahun dahulu, seorang pakar penerbitan dari Eropah memberitahu saya: “Jangan risau. Kami di Eropah mengambil masa lebih 100 tahun untuk mengembangkan perusahaan penerbitan buku universiti dan kami masih berusaha memajukan perusahaan ini”....Kita boleh mencapai matlamat kita lebih cepat daripada itu, dengan syarat kita melakukan sesuatu yang besar mulai sekarang. Kita perlu menggembangkan dan membina segala sumber yang ada di seluruh negara

untuk digunakan dalam penerbitan buku pengajian tinggi.”

Philip G. Altbach dalam artikelnya yang berjudul “Publishing in the Third World: Issues and Trends for the Twenty-first Century”. *International Book Publishing: An Encyclopedia*, menyatakan,

“Developing countries are also creating new educational systems and the curricula to be used in the schools. Again, there must be an effective means of publishing the textbooks and other material needed for educational systems. Market for books are generally small.”

Sheldon Meyer pula dalam artikelnya yang berjudul “University Press Publishing”, juga menegaskan penerbitan ilmiah bukan sesuatu yang bertujuan untuk meraih keuntungan. Jelas beliau:

“Commercial publishers must publish books at a profit. University presses are not expected to do so. They are nonprofit institutions and often receive a subsidy from their parent institution. In recent years, universities, affected by increased financial stringency, have put added pressure on the press's budget and in

*some cases have actually reduced the press's subsidy.
The essential mission of university presses, however,
remains the publication of significant scholarship."*

Bagaimanapun, sesuatu yang pasti berlaku di Malaysia ialah penubuhan sesebuah penerbit akan mendorong serta menyokong program-program penerbitan dan meningkatkan pembangunan komunikasi dan keintelektualan ilmu.

Penerbitan bukan sebenarnya sekadar perniagaan atau industri seperti yang difikirkan oleh orang ramai. Bagi sesetengah penerbit seperti penerbit-penerbit universiti, ini merupakan tugas yang serius untuk memenuhi kehendak tersebut. Menurut J. G. Bell dalam artikelnya "The Proper Domain of Scholarly Publishing, *Scholarly Publishing*: Vol 2, No. 1, October 1970, University of Toronto Press".

*"..... scholarly publishing is the publishing of
materials clearly and directly related to the pursuit of
knowledge as defined by the university curriculum."*

Penerbit universiti diperlukan bagi menyediakan buku kerana sesebuah universiti yang sebenar akan memerlukan koleksi buku untuk perpustakaan, pelajar dan sarjananya. Penerbit universiti wujud di sempadan ilmu dan berfungsi sebagai saluran semula jadi maklumat, teori

dan metodologi yang akan mempengaruhi kegiatan manusia dalam masa dan generasi yang akan datang.

Pada masa ini penerbit universiti adalah sebagai satu bahagian universiti, berdiri sebagai sebuah jabatan pentadbiran bukan sebagai jabatan atau fakulti akademik, walaupun fungsinya selalu ditakrifkan sebagai akademik. Dalam pada itu penerbit universiti mesti berdiri secara autonomi.

Daniel Berkely Updike dalam artikelnya "The Aim of a University Press, *Scholarly Publishing*, Vol 19, No. 2, January 1988, University of Toronto Press" menyatakan bahawa:

"..... a university press is a press which prints, publishes, and sells books under the university imprint and supplies the printing needed by the university."

Beliau juga menambah, menurutnya:

"..... the aim of a university press shall be and is supposed to be, the publication of scholarly work produced in a scholarly way."

Gladys S. Topkis dalam bukunya “Editor’s Job in Professional/Scholarly Publishing,” *The Business of Book Publishing: Paper by Practitioners* menjelaskan penerbitan universiti sebagai:

“..... outlets for the scholarly work of their institutions own faculties and subsidised to some extent by the universities themselves or by special endowment funds.”

Tujuan kebanyakan buku diterbitkan oleh penerbit universiti ialah untuk menggabungkan para sarjananya. Penerbit dengan ini harus bertindak sebagai agen komunikasi ilmu pengetahuan. Kebanyakan buku yang mereka terbitkan dapat merapatkan jurang yang kadangkala mucul di antara komuniti akademik dan masyarakat. Oleh itu, sesebuah penerbit universiti memerlukan *“intellectual sustenance”* yang disediakan oleh universiti dan *“the partnership of the school’s eminent scholars”*.

Hal ini ada dijelaskan oleh Sheldon Meyer dan L. E. Phillabaum dalam artikelnya yang berjudul “What Is a University Press?” dengan menyatakan:

“The advancement and diffusion of knowledge most frequently occur between scholar and scholar, and the

*purpose of most books published by university presses
is to bring scholars together."*

Penerbitan ilmiah adalah satu bidang penerbitan subsidi. Ini disebabkan masalah kewangan yang sentiasa menghambat. Oleh itu, sokongan moral, kewangan dan peralatan-peralatan lain amat diperlukan bagi mendirikan dan memantapkan penerbit universiti untuk faedah para sarjana dan penyelidik.

Dalam seminar "Scholarly Publishing in South-East Asia" di Universiti Malaya pada 16 hingga 18 Januari 1975, Shigeo Minowa dalam kertas kerjanya yang berjudul *The Relationship Between the University Administration and the University Press* menyatakan:

"..... professors are often poorly paid, and have little or no time to write because of their preoccupation with other jobs. Students also often do not have money to buy books. Still, or because of this situation, there is a need to stimulate scholars to write and publish through university presses, to provide cheaper textbooks for students, to help the university develop its full capacity as an institution of higher education and research."

Berdasarkan kepada semua kenyataan di atas, ianya tidak memerlukan jika dikatakan bahawa penerbitan ilmiah pengajian tinggi dapat ditakrifkan sebagai merangkumi keseluruhan disiplin akademik dan jauh berbeza dengan buku-buku biasa kerana kandungan yang khusus dan audien yang terhad serta cetakan yang terhad.

Bagaimanapun amat menarik untuk dicatatkan seperti yang dijelaskan oleh Lewis A. Coser, Charles Kadushin, dan Walter W. Powell dalam bukunya “Books: The Culture and Commerce of Publishing”

“..... the major feature of scholarly publishing is that money can be made on books that sell comparatively few copies. This is the reverse of trade publishing where, because of the cost involved, money can be lost on books that sell as many as 20,000 copies. Scholarly houses can earn profit on a book that sells a few as 1,500 copies.”

Malangnya, situasi penerbitan ilmiah pengajian tinggi di Malaysia dapat dikatakan tidak berada dalam keadaan yang “sihat” atau menggalakkan. Abdul Manaf Saad dan Hasrom Haron dalam ulasannya “Financial Management and Marketing of Scholarly Books in Malaysia” di seminar *Financial Management and Marketing for ASEAN Publishers*

menerima pelbagai perkembangan. Salah satu perkembangannya ialah penubuhan Jawatankuasa Penerbitan Pengajian Tinggi Malaysia (PEPET) pada tahun 1985 yang banyak membantu dalam pembangunan penerbitan ilmiah pengajian tinggi di Malaysia seperti mengadakan aktiviti-aktiviti pameran, mesyuarat-mesyuarat, latihan kakitangan dan sebagainya. Kesemua ini bertujuan untuk membantu penerbit-penerbit universiti meningkatkan program penerbitan baik di peringkat tempatan maupun di peringkat luar negeri. (Sebagai makluman PEPET kini telah dimansuhkan penubuhannya dan bakal digantikan dengan pertubuhan yang baru).

Di samping itu juga, kerajaan telah menunjukkan minatnya dalam membantu untuk mempercepatkan pembangunan penerbitan ilmiah pengajian tinggi. Pada 2 Ogos 1988, semasa majlis pelancaran buku, Menteri Pendidikan ketika itu secara rasminya mengumumkan promosi masa akan datang bagi buku-buku ilmiah semua universiti akan berdasarkan kepada merit penerbitan ilmiah pengajian tinggi mereka. Ilham ini ialah bagi menarik minat para akademik untuk menulis buku. Jadi penerbit-penerbit universiti khususnya tidak akan menghadapi masalah dalam mendapatkan penulisan-penulisan ilmiah dalam penerbitannya, dan juga ini membantu ke arah pembangunan masyarakat berilmu pengetahuan di negara ini.

Bagaimanapun, pengumuman itu secara tidak langsung memberi amaran kepada penulis-penulis ilmiah dan para akademik untuk terus menerbit atau terus “berkubur”. Dalam hal ini, kebanyakan mereka sebenarnya menerima pengumuman atau kenyataan ini dengan pelbagai tindak balas. Hakikatnya ialah penerbit-penerbit universiti itu sendiri tidak profesional dan masih tidak tersusun dengan sempurna. Para akademik masih berat untuk menghasilkan kerja-kerja ilmiah atau menulis buku kerana mereka tahu sokongan kewangan yang terlalu kecil dan jualan yang terhad, langsung tidak mendatangkan keuntungan kepada diri mereka sendiri. Penerbitan ilmiah pengajian tinggi di Malaysia wajib diberi perhatian yang sewajarnya seperti di negara-negara barat.

Secara keseluruhannya, penerbitan ilmiah pengajian tinggi yang sudah dipersetujui bukannya sebuah industri yang komersial berpandukan kepada garis keintelektualan dan pengkhususannya. Malahan ianya harus diiktiraf sebagai industri pengetahuan dan intelektual, bukannya sebagai industri yang menghasilkan keuntungan.

1.3 PENERBITAN ILMIAH PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Sejarah awal bahan-bahan ilmiah yang diterbitkan di negara ini adalah terdiri daripada laporan-laporan penyelidikan, dan lama kelamaan ianya beralih kepada perkutuan ilmiah. Sehubungan dengan itu, penerbitan buku-buku ilmiah mula berkembang sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terutama di kalangan para penerbit institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat penyelidikan seperti Penerbit Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sebagainya.

Dekad yang lalu, Malaysia sebuah negara kecil dengan terbitan buku yang juga kecil lebih kurang 800 tajuk dalam setahun apabila pengembangan dalam pendidikan seiring dengan pengembangan dalam penerbitan buku. Bilangan judul yang diterbitkan meningkat dari 372 pada tahun 1963 kepada 492 pada tahun 1964, hingga kepada 898 pada tahun 1965. Kebanyakannya buku teks yang dihasilkan untuk kegunaan dalaman, tetapi terdapat juga dorongan untuk negara luar. Sebagai bukti penerbitan 898 judul pada tahun 1965, 94 judul telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia dari pelbagai bahasa Eropah. (Beda Lim, 1973)

Sebuah penerbit universiti sama penting dengan universiti itu sendiri dan kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu memprojekkan imej akademik (kesarjanaan yang cemerlang). Penerbit

universiti perlu menitikberatkan karya asal. Peranan ini ada dijelaskan oleh Beda Lim dalam artikelnya yang berjudul "Scholarly Publishing in Malaysia" dalam *Scholarly Publishing* Vol. 4, April 1973 menyatakan:

"A university press must project a favourable academic image of its university, and to this purpose has been added in Asia that of the provision of inexpensive teaching materials. A university press must also take the scholar's wares to the market-place, for the job is only half done when a book has been manufactured."

Menurut Sumangala Pillai dalam penulisannya "Scholarly Publishing in Malaysia" dalam *Scholarly Publishing* Vol. 21 No. 4, August 1990, beliau ada menyatakan sejarah penerbitan ilmiah di Malaysia:

"..... Scholarly publishing in Malaysia began with the establishment of the first research institute in the country, the Institute for Medical Research (IMR), in 1900. The earliest works were research reports, but as universities and other research institute were founded and research activities increased, scholarly publishing grew in scope and importance."

Penerbitan ilmiah pengajian tinggi di Malaysia telah dibangunkan dengan pengertian lain sejak kemerdekaan Malaya (kini Malaysia) pada tahun 1957. Justeru itu, tidak menjadi suatu kejutan kerana telah tercatat pada tahun 1965 bahawa:

“where scholarly publishing is concerned, several types of organisation are seen to be at work and chief amongst them are research institutes, DBP and the University of Malaya Press (now Publication Department of University of Malaya).”

Perkembangan penerbitan ilmiah di Malaysia pada dasarnya tidak mendapat sokongan dan galakan dari pihak kerajaan sepenuhnya walaupun pihak kerajaan telah mengetahui akan kewujudan penerbit-penerbit universiti. Hal ini dijelaskan dengan lebih terperinci oleh Hj. Mohd Ariffin Mohd. Siri ketika membentangkan kertas kerjanya yang berjudul “Scholarly Publishing in Malaysia with Special Reference to the IDRC-PEPET Project” di *Scholarly Publishing Regional Conference on Developing ASEAN'S Scholarly Publishing* di Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 Ogos 1990:

“At the moment the government is reluctant to allow expansion of the university presses because of the existence of Dewan Bahasa dan Pustaka as a major

academic publisher, which is also a semi-government body. They suggested that all effort should be concentrated at Dewan Bahasa dan Pustaka. The idea is not totally acceptable by the scholarly communication community as well as by the university presses which are already in existence."

Menurut Hj. Mohd Ariffin Mohd. Siri lagi hal ini mungkin disebabkan oleh tidak terdapatnya keperluan yang mencukupi bagi penerbit-penerbit universiti bertindak sebagai sebuah badan penerbitan yang lengkap. Jelas beliau:

"Every press is trying very hard to publish as many books as possible. In 1986, when the committee first met, we realized the shortcomings in our endeavour. Staff lacked language proficiency, knew little about editorial processes, financial and project management, production and design and others relevant knowledge. They also lacked specialization and as a result, the person who handles and manages the editorial job, also handles the production and design."

Di samping itu juga, walaupun sesebuah buku ilmiah itu baik dari aspek kandungannya namun ianya masih belum boleh dikatakan berjaya

dari aspek keseluruhannya. Ini kerana sesebuah buku yang berjaya merangkumi kesemua aspek iaitu kandungan dan juga pasarannya.

Hamedи Mohd. Adnan ketika membentangkan kertas kerjanya yang berjudul “Perusahaan Penerbitan Buku Malaysia” di Seminar Kebangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia pada 2 hingga 4 April 1997 menjelaskan:

“kebanyakannya penerbit buku-buku IPT mempunyai pasaran yang terbatas. Masalah timbul dari segi pengedaran. Ini kerana terdapat para pengedar atau peruncit yang tidak mahu menjual buku-buku tersebut kerana tidak ramai yang berminat untuk membelinya.”

Triena Noeline Ong dari *Institute of South-East Asian Studies (ISEAS)* pula dalam kertas kerjanya “Scholarly Publishing in Singapore” di *Scholarly Publishing Regional Conference on Developing ASEAN'S Scholarly Publishing* di Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 Ogos 1990 menyatakan:

“Of these, ISEAS is the largest in term of its output of 42 publications each year, including three scholarly journals. It publishes works on politics, economics,

and social issues pertaining to the Asia-Pacific region.

With a staff of 10, it handles all aspects of editing,

book production, publishing, promotion and sales. In

my opinion, once a publisher has achieved a certain

quality in the content and production of his book, then

it is essential to concentrate on promoting and selling

the books. It is my firm belief that no matter how good

a book is, it will not sell well unless it is promoted.”

Sebagai sebuah penerbit universiti, BIROTEKS juga tidak lepas dari permasalahan seperti yang dijelaskan terutama dari segi struktur organisasinya sendiri. Secara umumnya, BIROTEKS begitu kekurangan kakitangan yang berpengalaman dan juga kurang mahir dalam bidang penerbitan baik dari peringkat atasan hingga ke peringkat bawahan. Sekiranya kakitangan yang sedia ada itu pakar dan berpengalaman, walaupun bilangannya tidak ramai sudah pasti ia dapat menjamin proses penerbitan sesebuah penebitan.

Justeru itu, terdapat beberapa ruang yang boleh dikenal pasti oleh BIROTEKS untuk meningkat dan mengekalkan keupayaan serta kewibawaannya sebagai sebuah penerbit kepada ITM. Dari aspek sumber manusia, BIROTEKS seharusnya perlu bersetuju dengan kenyataan yang dijelaskan oleh Triena Noeline Ong, walaupun kakitangan penerbit ISEAS hanya 10 orang, namun ISEAS berupaya mengeluarkan 42 buah

buku dalam setahun. Namun begitu, kakitangan yang sedia ada merupakan mereka yang pakar dan berpengalaman dalam dunia penerbitan.

BIROTEKS perlu menaiktarafkan semua kakitangannya dengan memberi pendedahan kepada latihan dan kursus dalam bidang penerbitan. Motivasi sebegini harus dijana bagi mengelakkan semangat dan sokongan kakitangan sedia ada untuk memajukan BIROTEKS. Dan sekiranya ada pengambilan kakitangan baru perlu dipastikan bahawa calon tersebut mempunyai kelayakan akademik dalam bidang penerbitan ataupun mempunyai sijil penerbitan.

Manakala dari aspek sumber kewangan pula, sememangnya penerbitan ilmiah bukan memfokuskan hasil usahanya untuk meraih keuntungan tetapi lebih menjurus kepada menghasilkan bahan-bahan penulisan. Hal ini sama dengan apa yang cuba dijelaskan oleh Sheldon Meyer dalam bahagian 1.2 dengan menegaskan bahawa "*commercial publishers must publish books at a profit. University presses are not expected to do so. They are nonprofit institutions and often receive a subsidy from their parent institution.*"

Jika dikaitkan dengan sumber kewangan, pada pandangan penulis seharusnya pengurusan ITM memperuntukkan sumber kewangan yang

khusus dalam kerja-kerja penerbitan di samping peruntukan pengurusan yang lazim diterima setiap tahun. Ini kerana kerja-kerja penerbitan memerlukan kos yang tinggi lebih-lebih lagi jika bilangan cetakannya rendah. Chandran Nair dalam kertas kerjanya “National Book Development Planning” menyatakan:

“The financing of publishing activities and the acquisition of adequate raw materials and equipment (e.g., paper, ink, printing and binding machinery) at affordable prices remain problems of book development in developing countries and more recently in Eastern and Central Europe. There is, generally, a lack of capital for investment in publishing, which is capital-intensive in that publishers' expenses are mostly “up front”: they must finish the product and put it on the market before they learn whether returns will cover cost and provide a profit.”

Chandran Nair juga menambah:

“However, lack of finance, coupled with stringent foreign exchange controls and governmental

indifference, remains the major obstacle to the development of the publishing industry."

Sesebuah penerbit universiti akan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan sama taraf dengan penerbit universiti yang lain agar ianya tidak tertinggal atau kurang disenangi oleh penerbit lain. Begitu juga BIROTEKS yang tidak mahu ketinggalan dalam hal ini. Menurut Encik Azmi Mohd Rafi, Pegawai Penterjemah BIROTEKS, pengiktirafan sama taraf dengan penerbit universiti yang lain telah lama diterima oleh BIROTEKS terutama sekali dalam urusan penterjemahan buku dan penulisan karya asal. Lazimnya BIROTEKS akan menyemak dengan penerbit universiti lain agar tidak menterjemah karya yang telah diterjemah oleh penerbit universiti atau menulis dalam suatu bidang yang sama.

Faktor ini merupakan pegangan BIROTEKS demi untuk meninggikan keilmuan mutu penulisan dan penterjemahan sesebuah buku atau terbitan ilmiah. Justeru itu ianya dapat menjamin kualiti pengajaran sesebuah IPT tanpa merendah-rendahkan IPT yang lain.

Di samping itu juga, jumlah kursus atau latihan kepada para penulis merupakan antara faktor yang menyamatarafkan BIROTEKS dengan penerbit universiti yang lain. ITM melalui BIROTEKS ada menghantar kakitangannya menghadiri kursus penulisan yang dianjurkan

oleh universiti-universiti lain. Dalam hal ini, Chandran Nair ada juga menyatakan dalam kertas kerjanya:

"Very few countries actually have training programs designed to improve skills associated with the book profession, with the possible exception of training in printing and librarianship."

Hari ini ada lima buah penerbit yang berkait rapat dengan penerbitan ilmiah pengajian tinggi. Antaranya ialah penerbit-penerbit universiti, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan institusi-institusi penyelidikan. Penerbitan yang diterbitkan terdiri dari pelbagai bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku, buletin-buletin, monograf-monograf dan kertas-kertas kerja.

Penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan kepentingannya sebagai bahasa kebangsaan memainkan peranan penting dengan kewujudan beberapa penerbit-penerbit ilmiah dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dengan perlaksanaan polisi penggunaan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 1983, kekurangan buku-buku dalam bahasa Melayu mula dirasakan. Justeru itu, tekanan ini telah mendesak universiti-universiti dan

DBP untuk menerbitkan seberapa banyak buku teks untuk pengajian tinggi dengan secepat mungkin.

*“Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959. Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan pada tahun 1956 ditukarkan taraf daripada sebuah jabatan kerajaan menjadi sebuah badan berkanun pada 1 Ogos 1959. Dengan perubahan dasar tersebut, DBP diberi autonomi untuk menggubal dasar-dasarnya yang khusus di samping menyusun sebuah rancangan pembinaan atau pengembangan bahasa dan sastera menurut kebijaksanaan pihak pengurusannya sendiri. Di samping itu, DBP juga menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara lebih berasingan menurut prinsip dan amalan perusahaan serta profesi penerbitan yang sentiasa berkembang”.*²

Penulis di sini akan memfokuskan penerangan kepada penerbitan ilmiah di IPTA. IPTA merujuk kepada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia

(UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), dan Institut Teknologi MARA (ITM). Perbincangan dan penghuraian tugas ini dikhususkan kepada Biro Penerbitan Teks, ITM atau dengan nama singkatan BIROTEKS.

Menurut Sumangala Pillai lagi,

"The scholarly work published are two kinds: textbooks and reference material. Textbooks are either original works or translations, and reference materials include monographs, journals, occasional papers, research papers, and mimeographs."

Datuk Hassan Ahmad dalam kertas kerjanya yang berjudul "*The Role of the Dewan Bahasa dan Pustaka in the Advancement of Indigenous Academic Publishing in Malaysia*" yang dibentangkan dalam "Seminar Penerbitan Akademik di ASEAN" di Singapura pada September 1985, menyatakan:

"scholarly publication is more research-based and more academically inclined, and not written with the student in mind, although a book in this category can be found to be suitable as a textbook."

Jadi untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan percanggahan sewaktu membincangkan isu penerbitan ilmiah pengajian tinggi ini, maksud penerbitan ilmiah ini merangkumi sebarang penerbitan berbentuk penulisan-penulisan universiti, para akademik, institusi-institusi penyelidikan atau penulis-penulis profesional yang berkaitan dengan penerbitan berikut. Sebagai contoh laporan penyelidikan yang dihasilkan oleh para akademik, disertasi yang dihantar bagi memenuhi keperluan untuk mendapatkan sarjana, bahan-bahan bacaan yang bakal digunakan oleh para pelajar universiti atau institusi pengajian tinggi dan kerja-kerja rujukan. Penerbit yang lazimnya terlibat dengan jenis penerbitan ini ialah penerbit-penerbit universiti.

Di samping tekanan dari kerajaan yang melibatkan polisi penggunaan bahasa kebangsaan, kebanyakan penerbit-penerbit universiti di Malaysia yang sudah kukuh dengan penerbitannya “diilhamkan” dengan idea matlamat komersial bukan suatu keutamaan dalam penerbitan ilmiah pengajian tinggi.

Dalam tahun 60-an, Universiti Malaya (yang telah menujuhkan Jabatan Penerbitan pada tahun 1964) mendahului penerbit-penerbit universiti yang lain dalam program penerbitannya, tetapi dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an dengan wujudnya beberapa buah lagi institusi pengajian tinggi yang kemudiannya terlibat dalam program-program penerbitan ilmiah pengajian tinggi. Contohnya di USM, Penerbit USM

pada tahun 1970, UPM, Penerbit UPM pada tahun 1977, UKM, Penerbit UKM pada tahun 1970 dan BIROTEKS ITM pada tahun 1981. Dalam tahun 1985, tiga buah universiti, UTM, UIA dan UUM juga mempunyai penerbit-penerbit universitinya tetapi dikendalikan oleh jawatankuasa penerbitan (yang melibatkan para pensyarah dan pegawai perpustakaan).

Lazimnya penerbit-penerbit universiti ditubuhkan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengajian dan memenuhi perkembangan pendidikan secara logik, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Di samping itu, mengajar di universiti atau institusi memerlukan buku-buku teks, kerja-kerja rujukan dan pelbagai bahan lain. Memandangkan keperluan ini BIROTEKS dan lain-lain penerbit universiti telah diberi secara geran sumber kewangan untuk menanggung kerja-kerja penerbitan dari peruntukan tahunan setiap universiti.

"Although the aims and objectives of Malaysia's university presses are quite similar, their structural organisation and functional responsibilities are different. The University of Malaya Press is treated as a separate entity within the university and functions somewhat like a commercial publisher. It has to stand on its own feet and generate sufficient funds to enable it to operate. The other university presses generally

are under the jurisdiction of a Publication Committee and receive university funds for their operations.”³

Polisi penerbit-penerbit universiti juga ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Akademik atau Jawatankuasa Penerbitan. Lazimnya, penerbit-penerbit menguruskan semua fungsi editorial dan pengeluaran seperti penyuntingan, taipografi, atur huruf dan reka bentuk buku.

Selain dari penerbit-penerbit universiti, kumpulan penerbit-penerbit lain yang terlibat dengan penerbitan ilmiah pengajian tinggi ialah institusi-institusi penyelidikan seperti IMR, Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (SERU), Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

Di samping itu, terdapat kumpulan penerbitan ilmiah pengajian tinggi lain yang memberi khidmat kepada masyarakat seperti Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA). Kedua-dua persatuan ini menghasilkan penerbitan ilmiah seperti jurnal-jurnal dan monograf-monograf yang berkaitan dengan bidang pengkhususan masing-masing. Badan-badan profesional ini menggunakan penerbitan sebagai alat untuk memaklumkan dan

berhubung dengan ahli-ahli mereka. Memandangkan keahliannya hanya untuk individu tertentu, jadi penerbitannya adalah terhad dengan cetakan yang kecil dan bukan bertujuan untuk komersial.

Kumpulan yang terakhir dalam penerbitan ilmiah ialah penerbit-penerbit swasta yang memiliki gedung penerbitannya sendiri seperti Fajar Bakti Sdn. Bhd., Pustaka Antara, Utusan Publications & Distributors, Berita Publishing, Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd. dan sebagainya. Bagaimanapun, penerbit-penerbit swasta ini bukan sebenarnya menerbitkan tajuk-tajuk ilmiah penyelidikan yang tulen. Mereka lebih menumpukan kepada penerbitan yang mendatangkan keuntungan yang besar dan komersial.

Justeru itu, dapat dikatakan penerbitan ilmiah pengajian tinggi di Malaysia masih belum boleh dibanggakan. Ini bermula pada tahun 1985 apabila lebih daripada 3,500 kursus-kursus yang berbeza-beza diajar di semua universiti dan institusi pengajian tinggi. Dianggarkan dalam sistem pendidikan sekarang ini, lebih 2,000 hingga 3,000 buah buku teks diperlukan dalam bahasa Melayu. Kadar buku-buku ilmiah yang terdapat di kedai-kedai buku buat masa ini adalah terlalu kecil, jauh daripada kehendak sebenar yang diperlukan. Ini bermakna penerbitan bagi keperluan pendidikan di universiti dan institusi merupakan kerja yang berterusan. Tajuk yang baru harus diterbitkan bagi menggantikan terbitan yang lama atau “out-dated”.

Rasionalnya, kewujudan atau penubuhan penerbit-penerbit universiti ialah untuk memenuhi asperasi dan kehendak “keluarga institusi-institusi” dan sumbangan mereka kearah penerbitan ilmiah pengajian tinggi masih lagi kecil dan tidak boleh dibanggakan. Sementara penerbit-penerbit swasta dan institusi penyelidikan atau organisasi penerbitan yang lain adalah masih tidak mencukupi, berorientasikan keuntungan dalam menghasilkan penerbitan ilmiah pengajian tinggi. Kebanyakan penerbit swasta tidak memberi perhatian yang serius dalam penerbitan buku yang lain.

Bagaimanapun, sesuatu yang tetap menjadi kepastian dan berlaku di Malaysia ialah penubuhan sesebuah penerbit akan memberi sokongan dan dorongan ke atas program-program penerbitan dan meningkatkan perkembangan ilmiah dan komunikasi maklumat.

Penerbit universiti terpaksa menghadapi rintangan besar bagi mendapatkan haknya untuk wujud di kampus. Suara penerbit universiti adalah lemah dan alasan menentang kewujudannya adalah terlalu banyak. Apabila kesulitan kewangan mula menyerang universiti, penerbit universiti menjadi sasaran pertama apabila pihak universiti mula memotong belanjawan dalam usaha menyelamatkan peruntukan perbelanjaan.

Masalah besar yang dialami oleh penerbit universiti ialah pihak universiti sendiri sentiasa menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Sepatutnya penerbit universiti tidak dianggap sebagai usus buntu (apendiks); sesuatu yang tidak begitu penting kepada universiti pada masa hadapan, tetapi dikenal pasti sebagai sebab musabab penyakit. Apabila seluruh institusi itu menghadapi penyakit, ia perlu “dibedah”.

Sesebuah penerbit universiti adalah satu urus niaga yang tidak harus bergantung kepada sistem pentadbiran universiti semata-mata. Para pentadbir universiti perlu digalakkan menghadkan kawalan mereka ke atas penerbit universiti dan menaruh kepercayaan yang lebih kepada kakitangan penerbitan profesional; pengarah, editor dan jurujual yang sentiasa bekerja kuat mengatasi berbagai-bagai masalah dalam dunia penerbitannya.

Begitu juga dengan penerbit BIROTEKS yang tidak terlepas dari permasalahan seperti yang dinyatakan. Namun adalah menjadi suatu tanggungjawab kepada BIROTEKS bagi memastikan pengoperasiannya tidak terbengkalai di pertengahan jalanan. Dari sini untuk mengetahui kaitan, cabaran, masalah dan masa depan BIROTEKS, ianya harus dirujuk kembali kepada fungsi dan peranan BIROTEKS.

BIROTEKS harus melihat sama ada objektifnya tercapai sepenuhnya ataupun hanya di peringkat kertas sahaja. Ini ditambah pula

dengan keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara serta menjelaskan industri perbukuan di Malaysia.

Bagi memantapkan lagi pengoperasian BIROTEKS, adalah perlu senarai tugas terutama Ketua dan Koordinator yang berperanan sebagai editor dikekalkan atau disemak semula (jika perlu). Tempoh lantikan selama dua tahun juga harus dipertimbangkan semula kerana bagi pendapat penulis dua tahun tidak akan mendidik seseorang kakitangan dalam banyak aspek pengurusan, pentadbiran dan penerbitan.

BIROTEKS diwujudkan bagi memenuhi tanggungjawab sosialnya untuk memberi maklumat sebanyak mungkin kepada warga ilmiah, para pelajar dan masyarakat dan bukannya untuk mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan dan persoalan kajian yang dibentangkan dalam *Ulasan Pengkajian Lalu* tadi, penulis telah membentuk *Objektif Kajian* dalam penyelidikan ini seperti penjelasan di bawah.

Akta A964, Akta Institut Teknologi MARA (pindaan) 1996 telah meletakkan Institut Teknologi MARA (ITM) sama tarafnya dengan

universiti-universiti tempatan yang lain. Justeru itu, dengan hak yang sedia ada, BIROTEKS seharusnya memainkan peranan penting dalam program penerbitan untuk ITM khususnya dan penerbitan ilmiah secara umumnya. Oleh itu, BIROTEKS dengan tepatnya dapat dianggap sebagai sebuah penerbit universiti. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji dan meneliti peranan dan fungsi yang dimainkan oleh BIROTEKS sebagai penerbit kepada ITM. Kajian ini juga akan mengkaji pandangan penulis-penulis karya asal dan karya terjemahan serta pensyarah pengguna mengenai kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan fungsi dan peranan BIROTEKS ini dan cadangan-cadangan mereka bagi memperbaiki kelemahan unit ini.

Kajian ini khususnya ialah untuk mengkaji perkara-perkara seperti berikut

1. Untuk mengetahui perkembangan penerbitan ilmiah di Malaysia dengan menumpukan BIROTEKS sebagai penerbit universiti.
2. Untuk mengenal pasti ruang yang boleh BIROTEKS gunakan terhadap kakitangan yang sedia ada dengan sepenuhnya dan keperluan untuk meningkatkan dan mengekalkan keupayaan dan kewibawaannya.

3. Untuk mengetahui faktor-faktor yang dapat menjadikan BIROTEKS sama tarafnya dengan penerbit-penerbit universiti yang lain.
4. Untuk mengetahui dan melihat pengoperasian BIROTEKS dengan tujuan menilai kaitan, cabaran, masalah dan masa depan BIROTEKS.

Hasil dari *Objektif Kajian* ini telah memberi panduan dan petunjuk kepada proses menghasilkan soal selidik. Dari sini, kepada pernyataan dan persoalan kajian serta matlamat kajian ini penulis telah memberi beberapa pecahan utama atau pengklasifikasi kepada tema dalam penyediaan soal selidik kajian ini.

Menyentuh kepada perkembangan ilmiah di Malaysia dengan menumpukan kepada BIROTEKS sebagai penerbit universiti, penulis membina satu tema berkaitan dengan tanggapan terhadap peranan BIROTEKS sebagai penerbit universiti dalam Bahagian B. Hasil dari tema ini penulis telah memecahkannya kepada tiga soalan dengan menumpukan kepada isi soalan iaitu:

1. *BIROTEKS merupakan antara salah sebuah penerbit universiti di Malaysia.*

Bagi soalan ini ianya cuba mengukur kefahaman dan melihat tanggapan responden mengenai kedudukan BIROTEKS sebagai salah sebuah penerbit universiti. Kedudukannya yang sama penting dengan penerbit universiti yang lain ini perlu diketahui oleh semua staf ITM.

2. *BIROTEKS mempunyai "house-style"nya sendiri dalam menerbitkan semua bentuk penerbitan.*

Manakala soalan 2 ini cuba menguji pengetahuan responden terhadap pengertian "house-style" sesebuah organisasi penerbitan. Ini dapat mengukur sama ada BIROTEKS memiliki ciri-ciri gaya penerbitan tersebut ataupun sebaliknya.

3. *BIROTEKS tidak seharusnya mempunyai dasar penerbitannya sendiri.*

Soalan ini dikemukakan bagi mendapat penyatuan dan persetujuan responden dalam menentukan ITM seharusnya mewujudkan suatu dasar penerbitannya sendiri yang dapat mengawal dan menyeragamkan kesemua urusan dan kerja-kerja penerbitannya di bawah pengelolaan dan pengendalian BIROTEKS seperti yang terdapat pada Penerbit UKM.

Dalam usaha untuk mengenal pasti ruang yang boleh BIROTEKS gunakan terhadap kakitangan yang sedia ada dengan sepenuhnya dan keperluan untuk meningkatkan dan mengekalkan keupayaan dan kewibawaanya, objektif ini telah membantu penulis untuk menghasilkan persoalan mengenainya dengan menumpukan kepada tema berkaitan dengan struktur organisasi dan sumber kewangan dalam Bahagian G dan tema berkaitan dengan kepentingan BIROTEKS kepada sistem pengurusan ITM dalam Bahagian H.

Bagi Bahagian G, dua soalan telah dibentuk mengenainya iaitu:

1. *BIROTEKS seharusnya diketuai oleh kakitangan sepenuh masa berkelulusan dalam bidang penerbitan.*

Pembinaan soalan ini bertujuan untuk mendapat persetujuan bahawa BIROTEKS seharusnya ditadbirkan oleh staf sepenuh masa dan bukannya secara lantikan mengikut tempoh masa dan tidak berpengetahuan dalam urusan penerbitan.

2. *BIROTEKS perlu diberi peruntukan khusus setiap tahun dalam menjana dan mengendalikan kerja-kerja penerbitan bagi ITM.*

Persoalan ini bertujuan menyokong keperluan BIROTEKS bagi diberi peruntukan khusus dalam mengendalikan segala urusan

penerbitan dan penterjemahan ke arah memperbanyak lagi bahan-bahan bacaan ilmiah kepada para pelajar.

Manakala bagi Bahagian H pula, ruang-ruang yang dikenal pasti dan dapat dihubungkaitkan dengan objektif kajian boleh dilihat menerusi soalan-soalan di bawah:

1. *BIROTEKS hendaklah bersedia bekerjasama dengan penulis.*

Pembinaan soalan ini adalah menjurus untuk melihat sejauhmanakah BIROTEKS bekerjasama dan terbuka dengan pandangan penulisnya dalam segala urusan penerbitan. Dalam erti kata lain, adakah BIROTEKS bersikap mudah menerima komen dan pandangan penulis secara profesional.

2. *Pengurusan ITM seharusnya memberi perhatian penting kepada BIROTEKS sama dengan fakulti/pusat/jabatan/unit lain di ITM.*

Soalan ini diutarakan bertujuan untuk melihat sejauhmanakah sampel bersetuju dengan pendapat penulis bahawa pihak ITM perlu mengambil berat mengenai kebijakan BIROTEKS.

3. *BIROTEKS seharusnya diberi kuasa untuk menjual terus ke semua hasil terbitannya tanpa melalui ejen yang dilantik.*

Sama seperti soalan di atas tadi, soalan ini juga cuba meneroka pendapat dan persetujuan sampel untuk menyokong saranan bahawa kuasa menjual terus perlu diberi kepada BIROTEKS tanpa sekat.

4. *ITM boleh menjadikan BIROTEKS sebagai sebuah persyarikatan perniagaan bagi menangani kegawatan ekonomi masa kini.*

Kewujudan soalan ini dirasakan perlu setelah penulis melihat sendiri kertas cadangan pihak BIROTEKS sewaktu menjalani latihan amali untuk menjadi sebuah syarikat perniagaan dalam usaha untuk menambah sumber kewangannya sendiri tanpa bergantung kepada peruntukan tahunan ITM.

Dari sudut persamaan taraf dengan penerbit-penerbit universiti yang lain, penulis telah membentuk persoalan seperti yang dikemukakan dalam Bahagian I di bawah tema berkaitan dengan kepentingan BIROTEKS kepada para pelajar ITM. Kesemua penerbit universiti yang ditubuhkan sememangnya perlu memikirkan kebijakan para pelajar universitinya seperti kemampuan mereka membeli buku dengan harga yang murah. Di samping itu juga masalah sejagat di Malaysia iaitu budaya “fotokopi” demi mendapatkan salinan yang termurah merupakan

pernyataan yang perlu difikirkan oleh semua penerbit universiti lebih-lebih lagi penerbit ITM.

Akhir sekali objektif mengenai pengoperasian BIROTEKS dengan tujuan menilai kaitan, cabaran, masalah dan masa depan telah melahirkan soalan-soalan yang berkaitan dengan keperluan latihan penulisan karya asal dan terjemahan seperti di Bahagian C. Juga di Bahagian E soalan pertama yang memperkatakan BIROTEKS lewat dalam urusan kerja-kerja penerbitan dan di Bahagian F yang menekankan keperluan mewujudkan BIROTEKS di seluruh cawangan kampus ITM di Malaysia. Persoalan ini dikemukakan untuk mendapatkan kebenaran pernyataan kelewatan BIROTEKS dan kepastian persetujuan responden dengan gagasan untuk mewujudkan cawangan BIROTEKS di kesemua kampus cawangan ITM.

Perkaitan dan pertalian di antara *Ulasan Pengkajian Lalu* dengan *Objektif Kajian* telah melahirkan persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan dalam penyediaan soal selidik bagi penyelidikan ini.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Diharapkan hasil maklumat-maklumat dan analisis data yang diperolehi dari penyelidikan ini akan dapat memperlihatkan keupayaan dan kemampuan BIROTEKS berperanan sebagai sebuah penerbit universiti. Justeru itu, BIROTEKS seharusnya berperanan membantu bagi memenuhi objektif dan aspirasi ITM dalam dunia penerbitan. Sebagai sebuah penerbit universiti, BIROTEKS tidak menumpukan kepada kepentingan keuntungan kerana telah termaktub dalam faktanya pasaran penerbitan ilmiah adalah sangat terhad. Dan seperti juga penerbit-penerbit universiti yang lain, BIROTEKS juga bertanggungjawab untuk mendukung falsafah, misi, objektif dan aspirasi ITM khususnya untuk membangun generasi bumiputera supaya menjadi profesional berilmu, berinovasi, berdaya saing, bertakwa dan mampu menerajui pembangunan negara.

Selain dari itu, diharapkan hasil yang diperolehi dalam penyelidikan ini juga dapat memberikan satu rumusan yang bermunafaat dalam menyimpulkan segala maklumat yang telah diperolehi. Justeru itu, ianya akan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penerbit-penerbit universiti, para penyelidik, para pelajar komunikasi (penerbitan) dan golongan profesional yang sealiran dengan dunia penerbitan.

1.6 BATASAN-BATASAN KAJIAN

Dari tajuk penyelidikan ini terdapat beberapa pengertian dan penjelasan yang perlu diperjelaskan demi untuk memberi maksud sebenar kajian ini.

Bagi kajian mengenai kemajuan dan perkembangan BIROTEKS ini, data yang perlu dikumpulkan antaranya ialah kemajuan penerbitan, struktur organisasi, sumber kewangan, kemudahan pejabat, latihan dan kursus, polisi pemerolehan, pemasaran dan promosi, pengeluaran dan pengedaran dan permasalahan.

Data-data akan dikumpulkan dari dua sumber. Bagi sumber utama iaitu para pensyarah yang pernah menulis dan menterjemah untuk BIROTEKS. Setakat ini bahan terbitan yang telah diterbitkan sehingga tahun 1998 ialah sebanyak 74 judul sahaja. Bagaimanapun soal selidik yang akan diedarkan hanya sebanyak 46 set sama dengan jumlah judul tersebut. Sumber utama ini kebanyakannya bertugas di ITM Shah Alam dan ada juga yang bertugas di kampus-kampus cawangan ITM di seluruh Malaysia.

Manakala sumber sekunder atau sumber kedua pula terdiri dari para pensyarah pengguna dan bakal penulis mengikut fakulti ataupun pusat masing-masing. Memandangkan bilangan para pensyarah ITM

adalah terlalu besar dan merangkumi 11 kampus cawangan, penulis akan mengedarkan sebanyak 10 set soal selidik untuk setiap fakulti dan pusat serta 11 kampus cawangan ITM.

Bagi memantapkan lagi penelitian penyelidikan ini, penulis telah mengambil kesempatan sewaktu menjalani latihan amali selama satu bulan iaitu pada 8 Jun hingga 8 Julai 1998 yang lalu untuk melibatkan diri secara langsung bersama dengan penerbit BIROTEKS. Tujuannya ialah untuk melihat proses menyeluruh organisasi penerbitan yang merangkumi aspek-aspek pemerolehan, penerbitan, pengeluaran, pemasaran dan beberapa aspek lain yang dirasakan penting untuk penyelidikan ini. Data-data ini juga akan digunakan dalam menjayakan penghasilan penyelidikan mengenai peranan BIROTEKS sebagai salah sebuah penerbit universiti di Malaysia.

Bagi proses penganalisisan data-data ini antaranya penulis akan membentangkannya dalam bentuk jadual dan menilainya berdasarkan peratusan peningkatan dan penurunan yang berkenaan. Ini semuanya akan berpandukan kepada bentuk soal selidik yang akan dibentuk kelak.

Nota Kaki

1. Ghazali Yunus, Malaya in Trans-Pacific Scholarly Publishing, A Symposium, Thomas Nickerson (ed), (Honolulu, East West Centre Press 1963), halaman 104-107.
2. Hamedi Mohd. Adnan, Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 1996), halaman 43.
3. Lim Chee Hong, “ Academic Publishing in Malaysia with Particular Reference to Universiti Sains Malaysia Press,” dlm. Academic Publishing in ASEAN: Problems and Prospects, S. Gopinathan (ed) Singapura, 1986, halaman 34.